

## JADUAL KADAR HARGA PENYELENGGARAAN KEJURUTERAAN AWAM & BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BIL	HURAIAN	KADAR HARGA (RM)
	<b><u>(A) KERJA-KERJA PERMULAAN DAN PERSEDIAAN AWALAN</u></b>	
A	<b>Menyediakan Perlindungan Insurans/Takaful Pampasan Kerja</b> ( <i>Workmen Compensation Insurance</i> )	200.00
B	<b>Menyediakan Perlindungan Insurans/Takaful Kerja dan Tanggungan Awam</b> ( <i>Contractor All Risk Insurance</i> )	1,000.00
	**Petender adalah digalakkan untuk mengambil pelan Perlindungan Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans.	
C	Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)	
D	<b>Menyediakan Bon Perlaksanaan</b> ( <i>Performance Bond</i> ) : i) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan); atau ii) Jaminan Syarikat Kewangan; atau iii) Jaminan Insurans/Takaful; atau *Potong mana yang tidak berkenaan	2,500.00
E	<b>Penyediaan Laporan Bergambar</b> Menyediakan dan mengemukakan Tuntutan Bayaran Interim yang lengkap termasuk senarai kuantiti ( <i>taking off</i> ), borang arahan kerja, pengukuran kerja-kerja di tapak seperti panjang, lebar, tebal atau dalam atau tinggi, 2 salinan laporan bergambar termasuk gambar sebelum, gambar semasa dan gambar selepas diambil pada satu kedudukan yang sama dicetak di atas kertas berukuran A4 putih lengkap dengan tarikh yang dijilid kemas ( <i>binding</i> ) siap dengan dua keping pembalut plastik dibahagian hadapan dan belakang laporan dan lain-lain arahan penambahbaikan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kontrak.	3,000.00
	Menyediakan dan mengemukakan Tuntutan Bayaran Interim yang lengkap termasuk senarai kuantiti ( <i>taking off</i> ), lakaran peta lokasi kerja termasuk jumlah bilangan petak, orientasi petak dan warna petak (jika berkaitan) borang arahan kerja, pengukuran kerja-kerja di tapak seperti panjang, lebar, tebal atau dalam atau tinggi, 2 salinan laporan bergambar termasuk gambar sebelum, gambar semasa dan gambar selepas diambil pada satu kedudukan yang sama dicetak di atas kertas berukuran A4 putih lengkap dengan tarikh yang dijilid kemas ( <i>binding</i> ) siap dengan dua keping pembalut plastik dibahagian hadapan dan belakang laporan dan lain-lain arahan penambahbaikan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kontrak.	3,000.00
F	<b>Menyediakan Peralatan Keselamatan</b> Menyediakan segala peralatan keselamatan yang mencukupi bagi kontraktor dan pekerja, Pegawai Penguasa dan wakil Pegawai Penguasa selama 1 tahun seperti berikut : a) Topi Keselamatan berwarna putih dengan perekat pengiktirafan SIRIM b) Vest Keselamatan berwarna hijau terang siap dengan pemantul cahaya belakang jaket c) But Keselamatan ( <i>steel toe</i> ) berwarna hitam dengan perekat pengiktirafan SIRIM	1,000.00

BIL	HURAIAN	KADAR HARGA (RM)
A	<p><b>Menyediakan Peralatan Utama</b> Menyediakan peralatan utama sepanjang pelaksanaan kerja di tapak mengikut kesesuaian keperluan di tapak mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Papan tanda kerja MBSJ (900mm x 600mm)</li> <li>b) Papan tanda 'AWAS' (900mm x 600mm)</li> <li>c) Papan tanda 'PANDU PERLAHAN' (900mm x 600mm)</li> <li>d) Papan tanda 'KERJA DIHADAPAN' (900mm x 600mm)</li> <li>e) Kon trafik (30")</li> <li>f) <i>Water Filled Jersey Barrier'</i></li> <li>g) <i>Red and White Hazard Tape'</i></li> <li>h) <i>Amber Colour Cicon Light'</i></li> <li>j) <i>Red Colour Tube Light'</i></li> <li>k) <i>Steel Plate'</i> 1.5m x 2.4m x 10mm tebal</li> </ul>	4,800.00
B	<p><b>Keselamatan pekerja</b> Menyediakan satu kumpulan pengawal/penyurui trafik mengikut kesesuaian lokasi yang akan menyusun semua peralatan trafik dan mengawal lalulintas dilokasi kerja sepanjang kerja dijalankan. Kumpulan ini perlu dibekalkan dengan peralatan keselamatan diri dan lokasi kerja mengikut kesesuaian lokasi dan waktu kerja dijalankan serta lain-lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu untuk tugas ini dengan secukupnya seperti :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Topi keselamatan</li> <li>b. Vest keselamatan berwarna hijau sahaja yang lengkap dengan pemantul</li> <li>c. Kasut keselamatan</li> <li>d. Kasut kalis air (sekiranya perlu)</li> <li>e. Baju hujan (sekiranya perlu)</li> <li>f. Bendera (hijau dan merah)</li> <li>g. <i>Amber colour blinker light</i> baru bagi setiap 10 meter</li> <li>h. <i>Red colour tube light</i> baru</li> <li>j. Set lampu limpah yang baru untuk kerja waktu malam</li> <li>k. Set <i>generator</i></li> <li>l. <i>Red and white hazard tape</i> secukupnya</li> </ul>	3,000.00
C	<p>Kadar kos pengangkutan, kelengkapan kerja untuk pergi dan balik bagi kerja-kerja penyelenggaraan untuk aset-aset rumah peranginan MBSJ di Langkawi, Kedah. (Tidak termasuk kadar upah tenaga pekerja dan bahan alat ganti)</p>	1,200.00
D	<p>Kadar kos pengangkutan, kelengkapan kerja untuk pergi dan balik bagi kerja-kerja penyelenggaraan untuk aset-aset rumah peranginan MBSJ di Cameron Highlands, Pahang. (Tidak termasuk kadar upah tenaga pekerja dan bahan alat ganti)</p>	700.00
E	<p>Kadar kos pengangkutan, kelengkapan kerja untuk pergi dan balik bagi kerja-kerja penyelenggaraan untuk aset-aset rumah peranginan MBSJ di Kuala Terengganu, Terengganu. (Tidak termasuk kadar upah tenaga pekerja dan bahan alat ganti)</p>	1,000.00

BIL	HURAIAN	KADAR HARGA (RM)
	<p>Kesemua atau sebahagian dari peralatan diatas perlu dibekal dan dipasang pada setiap masa di semua lokasi kerja pembaikan yang sedang dijalankan. Kegagalan menyediakan dan memasang peralatan diatas akan menyebabkan kontraktor didenda sebanyak RM 100.00 bagi setiap lokasi kerja pembaikan yang tidak dipasang peralatan di atas. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan dari jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan. Kehilangan peralatan diatas adalah dibawah tanggungjawab kontraktor sendiri. Tiada tuntutan boleh dibuat atas kehilangannya.</p>	